

# Enam tahun menunggu akhirnya dapat rumah

**891 pemilik PR1MA masuk kediaman baharu mulai 1 Jun**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Mohd Amin Jalil dan Ahmad Hasbi  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Seramai 891 pemilik kediaman Perumahan 1Malaysia (PR1MA) Residensi Seremban Sentral, di sini akhirnya akan dapat berpindah masuk ke rumah baharu mereka mulai 1 Jun, selepas hampir enam tahun menunggu.

Projek siap sepenuhnya tahun lalu selepas pembinaan dimulakan pada 2017, namun kunci tidak diserahkan pemaju disebabkan perbalahan panjang di antara Perbadanan PR1MA Malaysia dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berkaitan tanah rizab KTMB itu.

Berita gembira untuk pembeli kediaman berkenaan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Ai-

dilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia MADANI, di Wisma Majlis Bandaraya Seremban (MBS), di sini semalam.

"Residensi PR1MA ini sudah hadapi masalah panjang kerana perbalahan antara Perbadanan PR1MA dan tanah rizab KTMB sejak 2015 tak boleh selesai. Seramai 891 unit (pembeli) tak dapat masuk rumah mereka kerana perbalahan ini."

"Jadi kita selesaikan. Mulai 1 Jun, boleh masuk kediaman," katanya.

Projek perumahan PR1MA Residensi Seremban Sentral mempunyai keseluruhan 1,504 unit kediaman.

Bagi pembeli, mereka lega dengan jaminan Perdana Menteri selepas beberapa kali proses mendapatkan kunci kediaman baharu itu tertangguh.

#### Legajaminan PM

Pekerja swasta, Loh Chee Kwan, 46, berkata perkara paling melegakan apabila dia tidak lagi perlu menanggung bayaran bulanan untuk dua rumah, masing-masing pinjaman perumahan bagi pembelian unit di PR1MA Residensi Seremban Sentral dan sewa kediaman didiami sekarang.

"Rata-rata pembeli projek ini



Anwar bersalaman dengan orang ramai pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia MADANI di Seremban, semalam.

(Foto Azril Edham/BH)

dari golongan yang sederhana atau susah, iaitu salah satu kelebihan untuk membeli rumah PR1MA ini. Ia lebih menyusahkan apabila perlu bayar sewa rumah dan juga bayaran bulanan rumah PR1MA.

"Jadi, saya sangat berbesar hati, terima kasih Perdana Menteri yang memberi perhatian. Saya akan pegang kata-katanya," katanya menjelaskan pada 18 April lalu, pemaju memaklumkan mereka bahawa Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) akan diperoleh pada 31 Mei.

"Jika itu berlaku, sekurang-kurangnya akan ambil sebulan sebelum rumah ini boleh dimasuki. Pemaju juga melaporkan masih ada 750 unit rumah sedang dibalik selain beberapa pembalikan fizikal lain."

"Itu laporan yang kami terima, namun dengan jaminan diberikan Perdana Menteri, kami ya-

kin pemaju memang maklumkan perkembangan semasa kepada kami, tiada pula berita kami boleh masuk rumah mulai Jun. Tak sangka pula Perdana Menteri membuat kejutan untuk kami, ia berita gembira."

Hafis Haririe Paisal, Penjawat awam



kin ia dapat dilaksanakan," katanya.

Penjawat awam, Hafis Haririe Paisal, 32, berkata pemaju tidak memberikan apa-apa maklumat mengenai proses kemasukan ke kediaman berkenaan, sekali gus dia terkejut dengan jaminan Anwar.

"Pemaju memang maklumkan perkembangan semasa kepada kami, tiada pula berita kami boleh masuk rumah mulai Jun. Tak sangka pula Perdana Menteri membuat kejutan untuk kami, ia berita gembira," katanya.

Hafis Haririe berkata, dia membeli rumah itu pada 2020 dan mula membayar bayaran bulanan sebanyak RM1,320 sejak Januari lalu, selain perlu menanggung bayaran sewa rumah.

"Jadi, jaminan Perdana Menteri ini memberikan sedikit kelebihan kepada saya dari segi kewangan," katanya.

## Negeri Sembilan dapat dana tambahan lebih RM1b

**Seremban:** Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan tambahan lebih RM1 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan infra rakyat di Negeri Sembilan.

Perdana Menteri berkata, ia menjadikan keseluruhan peruntukan pembangunan disediakan kerajaan Pusat, khusus untuk Negeri Sembilan bagi 2023 berjumlah RM1.27 bilion.

Peruntukan itu antara lain bagi membayarkan projek pembinaan jalan dan jambatan baharu, infrastruktur pendidikan, pembinaan rumah ibadat serta naik taraf klinik kesihatan daif.

"Projek baharu bagi 2023 di-

Negeri Sembilan termasuk membina jalan susur dari tol baharu Seremban ke Lingkaran Tengah Seremban, dengan kos RM600 juta," katanya.

Selain itu, katanya, pembinaan jalan dan jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Bukit Pelandok di Port Dickson dengan Sungai Pelek di Sepang, Selangor, membabitkan kos RM160 juta.

Anwar berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia MADANI di sini semalam yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Negeri Sembilan,

Datuk Seri Aminuddin Harun.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga meluluskan pembinaan fasiliti bagi Kementerian Pendidikan (KPM), membabitkan kos keseluruhan RM280 juta, termasuk bina semula dan baik pulih sekolah daif serta memperkuatkannya.

"Klinik kesihatan juga ada yang dafif. Menteri Besar bising dengan saya, nama klinik kesihatan, tapi klinik pun tak sihat. Oleh itu, kita siapkan perbelanjaan (untuk projek) di Jelebu, Kuala Pilah, Jempol, Port Dickson, Rembau, Seremban dan Tampin berjumlah RM5.8 juta," katanya.

Pembinaan masjid baharu pulababit Masjid Terapung Port Di-

ckson; Masjid Kariah Ulu Bernang, Seremban; Masjid Kariah Talaun Tengah dan Masjid Diraja Tunku Munawir di Sri Menanti, Kuala Pilah serta Masjid Kariah Boniek, Rembau dengan kos keseluruhan RM318 juta.

"Jadi, keseluruhan peruntukan pembangunan RM1.27 bilion," katanya turut mengumumkan kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan RM457 juta bagi menyelesaikan beberapa masalah di kawasan segi tiga pertumbuhan baharu Negeri Sembilan.

"Ada masalah yang dibangkitkan, iaitu di kawasan segi tiga pertumbuhan baharu Negeri Sembilan jajaran Seremban, Nilai

dan Port Dickson serta kawasan Malaysia Vision Valley. Untuk itu, kemudahan tambahan RM457 juta disediakan," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di majlis itu jam 11 pagi dan turut menyantuni pengunjung, juga mengulangi komitmen kerajaan untuk menekankan miskin tegar di Malaysia, termasuk di Negeri Sembilan tahun ini.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di sini yang berlangsung sehingga jam 3 petang, yang ketiga dihadiri Perdana Menteri selepas Kedah dan Pulau Pinang. Tiga lagi lokasi ialah Kelantan, Terengganu dan Selangor, masing-masing pada Jumaat, Sabtu dan Ahad depan.